

Masalah dan cabaran yang dihadapi oleh MBK Masalah Penglihatan dalam pengajaran dan pembelajaran AI-Quran Braille

Problems and challenges faced by MBK Visual Impairment in teaching and learning

Mohamad Fakrul Razi bin Adnan*, Rozniza Zaharudin

School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, 11800, Penang, Malaysia

*Corresponding author email: fakrulrazibraille@gmail.com

ARTICLE HISTORY

Received: 14th January 2026

Revised: 27th March 2026

Accepted: 13rd May 2026

Published : 23th May 2026

KEYWORDS

Masalah

Cabaran

MBK Masalah Penglihatan

Pengajaran dan Pembelajaran

AI-Quran Braille

Kajian Kes

ABSTRAK - Program Pendidikan Khas masa kini menawarkan peluang pendidikan agama kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK). Masalah Penglihatan yang dialami oleh kanak-kanak pendidikan khas khususnya masalah yang dialami dalam pengajian AI-Quran. Fokus disini adalah dalam konteks pembelajaran AI-Quran braille kepada MBK masalah penglihatan. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti masalah dan cabaran yang dihadapi oleh MBK Masalah Penglihatan dalam pengajaran dan pembelajaran AI-Quran. Objektif utama kajian ini adalah mengenalpasti masalah dan cabaran yang dihadapi MBK Masalah Penglihatan dalam pengajaran dan pembelajaran AI-Quran. kaedah kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes telah digunakan. Lima orang peserta kajian telah dipilih dan ditemu bual secara mendalam bagi mendapatkan data. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat tiga jenis masalah utama yang sering dihadapi oleh MBK Masalah Penglihatan dalam pembelajaran iaitu, keyakinan diri, kewangan dan juga penerimaan masyarakat.

ABSTRACT - The Special Education Program now offers religious education opportunities to Special Needs Students (MBK). Vision problems experienced by special education children are especially problems experienced in studying the Quran. The focus here is in the context of learning the Quran braille to MBK vision problems. This study was conducted to identify the problems and challenges faced by MBK Vision Problems in teaching and learning the Quran. The main objective of this study is to identify the problems and challenges faced by MBK Vision Problems in teaching and learning the Quran. qualitative research methods with a case study approach were used. Five study participants were selected and interviewed in depth to obtain data. The results of the study found that there are three types of problems faced by MBK Vision Problems, namely, self-confidence, finances and community acceptance.

Keywords: Problems, Challenges, MBK Visual Impairment, Teaching and Learning, AI-Quran Braille, Case Studies

PENGENALAN

AI-Quran Braille merujuk kepada gabungan dua perkataan iaitu al-Quran dan Braille. AI-Quran merupakan sumber rujukan utama ajaran Islam yang lengkap terkandung di dalamnya dasar utama agama Islam iaitu Akidah, Syariat dan Akhlak. Dari sudut bahasa, AI-Quran bermaksud bacaan dan perkataan AI-Quran itu berasal daripada perkataan Arab Qira'ah yang membawa maksud menghimpun huruf-huruf dan kata-kata, satu dengan yang lain dalam satu ucapan yang tersusun rapi (al-Zarqani 1994). Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah (al-Qiyamah:75:16-19) yang menuntut kepada

Muslim membaca, menghafaz, memahami dan seterusnya mengamalkan isi kandungan al-Quran dalam kehidupan seharian (Norakyairee dan Ab. Halim 2011).

Al-Quran adalah Kalam Allah SWT yang merupakan mukjizat diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dengan perantaraan Malaikat Jibril AS, ditulis dalam Mushaf, diriwayatkan secara Mutawatir dan dikira sebagai satu ibadah bagi mereka yang membacanya. Manakala istilah Braille pula diambil sempena nama Louis Braille, seorang warga Perancis yang mengalami masalah penglihatan, pengasas tulisan berasaskan penggunaan titik timbul bagi menggantikan huruf dan nombor sekitar abad ke sembilan belas yang dipanggil sebagai sel (cell) yang mempunyai enam titik dan dikenali juga sebagai kod Braille. Penggunaan kod ini menggantikan penggunaan buku berhuruf timbul berasaskan wayar tembaga yang ditekan pada kertas yang diperkenalkan oleh Valentin Haüy, pengasas National Institute for Blind Youth di Paris dan kod penulisan rahsia yang dinamakan Sonography bermaksud sistem penulisan malam yang diasaskan oleh seorang pegawai tentera bernama Charles Barbier pada tahun 1821.

Jika digabungkan al-Quran dan Braille iaitu al-Quran Braille, maka ia merujuk kepada Mushaf al-Quran Braille yang menggunakan asas kod Braille Bahasa Arab yang mewakili huruf-huruf Hijaiyyah, tanda baris seperti fathah, dammah, dan kasrah, serta simbol-simbol seperti shaddah, sukun, mad dan sebagainya (Noornajihan dan Kauthar 2008). Penghasilan al-Quran Braille merupakan salah satu alternatif bagi MBK masalah penglihatan untuk berinteraksi dengan mushaf ini. Di Malaysia, senario perkembangan al-Quran Braille yang dipelopori oleh Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) telah mendapat pengiktirafan diperingkat kebangsaan. Ini terbukti dengan penerbitan edisi al-Quran Braille (kod Braille Bahasa Arab Gred 1) yang bersumberkan al-Quran Braille terbitan Indonesia merupakan satu- satunya al-Quran Braille yang diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Oleh itu, penting kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti masalah dan cabaran yang dihadapi oleh MBK Masalah Penglihatan dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran Braille. Objektif kajian ini seperti berikut:

- Menenalpasti masalah dan cabaran yang dihadapi oleh MBK Masalah Penglihatan dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran Braille.

METODOLOGI

Penelitian kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes melalui pemerhatian dan temu bual yang mendalam. Penetapan kaedah kualitatif dalam kajian ini disebabkan pengkaji ingin meneroka secara mendalam terhadap masalah dan cabaran yang dihadapi oleh MBK Masalah Penglihatan dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran Braille. Data yang konkrit diperlukan dalam membentuk kenyataan serta penjelasan berkaitan fokus kajian, iaitu masalah dan cabaran yang dihadapi oleh MBK Masalah Penglihatan dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran Braille. Kajian ini dilakukan terhadap lima orang peserta kajian yang telah dikenalpasti iaitu 5 orang murid. Pemilihan peserta kajian terdiri daripada murid MBK Masalah penglihatan yang menggunakan Al-Quran Braille.

Pengumpulan data dilakukan untuk mendapat data dan maklumat yang lengkap dalam rangka mencapai maklumat penyelidikan. Tujuan yang dinyatakan dalam bentuk hipotesis merupakan jawapan sementara terhadap soalan penyelidikan. Jawapan itu masih perlu diuji secara menyeluruh. Oleh sebab itu, pengumpulan data diperlukan untuk mengumpul semua data dan maklumat yang telah ditentukan oleh sampel. Terdapat satu cara yang digunakan untuk mengumpul maklumat terhadap responden iaitu temu bual dengan murid.

Jadual 1: Profil Peserta Kajian (Murid)

Peserta Kajian	Jantina	Umur
Murid 1	Lelaki	10 Tahun
Murid 2	Perempuan	11 Tahun
Murid 3	Lelaki	9 Tahun
Murid 4	Lelaki	8 Tahun
Murid 5	Perempuan	10 Tahun

Masalah dan cabaran yang dihadapi oleh MBK Masalah Penglihatan

Kesediaan institusi itu sendiri untuk menerima pelajar kurang upaya. menyatakan bahawa sesetengah pusat kurang pemahaman mengenai pelajar MBK Masalah Penglihatan yang turut menyumbang kepada kesukaran untuk MBK Masalah Penglihatan melakukan akomodasi kerana mereka tidak biasa dengan perkhidmatan di sekolah ataupun mana-mana pusat NGO. Cabaran yang dihadapi bukan sahaja datang dari institusi malah cabaran tersebut datang dari pelbagai aspek termasuklah daripada rakan sebaya, guru dan juga masyarakat yang terlibat dengan institusi tersebut. Bukan itu sahaja, keperluan- keperluan khas yang diperlukan oleh MBK Masalah Penglihatan turut perlu dititikberatkan. Hal ini demikian kerana, mereka memerlukan lebih perhatian dan keperluan khas berbanding dengan pelajar lain.

MBK Masalah Penglihatan bukan sahaja memerlukan kemudahan-kemudahan yang spesifik untuk mereka namun mereka turut memerlukan khidmat sokongan untuk meneruskan pembelajaran mereka di sekolah. Sebagai contoh, MBK Masalah Penglihatan memerlukan peralatan sokongan khas seperti komputer dan software mesra OKU penglihatan terutamanya di perpustakaan. Bagi MBK Masalah Penglihatan yang tidak nampak keseluruhannya, mereka memerlukan bahan bantuan bacaan berbentuk Braille. Oleh itu, pelbagai kemudahan perlu disediakan oleh pihak yang berkenaan. Kemudahan yang mereka perlukan berbeza dengan keperluan pelajar bukan kurang upaya. Kemudahan seperti bangunan yang lengkap dengan fasiliti, tempat letak kereta, lif dan sebagainya perlu dinaiktaraf.

Bukan itu sahaja, pelajar kurang upaya juga memerlukan khidmat sokongan daripada persekitaran sosial untuk meningkatkan kualiti hidup mereka. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada penerokaan masalah dan cabaran pelajar kurang upaya penglihatan di institusi pengajian tinggi.

Masalah yang dihadapi oleh MBK Masalah Penglihatan

Masalah yang pertama ialah isu keyakinan diri. Keyakinan diri membawa maksud mempercayai diri sendiri bahawa diri mempunyai kekuatan dalaman dan kemampuan dan bertanggungjawab terhadap keputusan yang telah ditetapkannya sendiri. Isu keyakinan diri dalam kalangan pelajar kurang upaya berlaku apabila mereka merasakan bahawa mereka tidak diperlukan dan hanya menjadi beban kepada masyarakat sekeliling. Menurut responden, mereka mengalami perasaan rendah diri dan tidak yakin untuk berhadapan dengan orang ramai:

"... keyakinan saya secara amnya memang agak kurang sedikit kerana melihat kelebihan orang lain...saya rasa kurang yakin sikit bila berhadapan dengan murid lain.... semua orang pandang saya lain ja kalau saya baru pergi ke tempat tu... kadang-kadang saya rasa sedih jugak"

(Murid 1, Baris 01-02/03/2025)

"... masalah yang saya hadapi adalah rasa rendah diri dan kurang keyakinan untuk berdepan dengan orang ramai. Masa mula-mula nak masuk sini pun saya rasa tiada keyakinan diri dan tak rasa yang saya mampu buat tambah pula kawan-kawan pun xda lagi dekat sini...rasa macam taknak datang sekolah dah lepas masuk sekolah baru ni..."

(Murid 2, Baris 03-06/03/2025)

Ada dalam kalangan MBK Masalah Penglihatan merasakan bahawa mereka tidak mempunyai kekuatan untuk menjalani kehidupan sebagai pelajar dan berjauhan dengan keluarga. Hal ini berlaku apabila mereka merasakan bahawa mereka tidak akan diterima oleh pelajar lain kerana kekurangan diri mereka. Namun begitu, tidak semua MBK Masalah Penglihatan mempunyai keyakinan diri yang rendah. Ada dalam kalangan mereka mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan juga mampu untuk berhadapan dengan dunia luar:

“... saya sangat berkeyakinan dalam berhadapan dengan orang ramai dan masyarakat sekeliling. Saya sentiasa bersikap positif...saya Cuma ada masalah melihat sikit ja tapi saya masih boleh buat semua benda macam orang lain...jadi saya tak ada rasa negatif atau kurang yakin”

(Murid 3, Baris 07-08/03/2025)

Keyakinan yang ada pada MBK Masalah Penglihatan adalah kerana mendapat sokongan dan juga persekitaran sosial yang sangat memberangsangkan. Keyakinan diri dalam kalangan MBK terutamanya kurang upaya penglihatan boleh dipupuk dari mereka kecil lagi. Peranan ini harus dilakukan oleh ahli keluarga, rakan-rakan dan juga masyarakat sekeliling. sokongan dari keluarga dan juga rakan yang memahami mempengaruhi keyakinan diri MBK Masalah Penglihatan. Kenyataan ini juga disokong dengan kenyataan responden yang menyatakan bahawa apabila beliau dikelilingi rakan-rakan yang memahami dan menerima membantu beliau untuk terus bersikap positif dan berkeyakinan.

“... semasa saya mula masuk ke sekolah saya masuk kelab Pembimbing Rakan Sebaya..jadi saya dapat kenal dengan kawan-kawan dalam kelab pembimbing rakan sebaya ni.. jadi saya rasa ada keyakinan untuk berkawan sebab depa dekat sini semua baik-baik..kalau saya ada masalah depa akan bantu saya untuk buat program sama-sama...”

(Murid 4, Baris 09-11/03/2025)

Berdasarkan data yang diperoleh dari responden, tidak semua OKU terutamanya MBK masalah penglihatan mempunyai keyakinan diri yang rendah apabila berhadapan dengan orang ramai. Ada juga MBK masalah penglihatan yang masih lagi boleh berhadapan dengan orang ramai dan tidak kekak apabila bergaul dengan murid yang lain. Hal ini adalah kerana pemikiran positif yang dipupuk untuk yakin pada diri sendiri bahawa mereka mampu melakukan sesuatu seperti orang lain.

Masalah yang kedua pula adalah isu kewangan. Isu kewangan merupakan salah satu isu yang sangat dekat dengan pelajar khususnya MBK masalah penglihatan. Isu kewangan ini turut dialami oleh MBK Masalah Penglihatan yang melanjutkan pengajian mereka di peringkat sekolah menengah dan juga IPT. Namun begitu, terdapat beberapa keistimewaan yang boleh diperoleh oleh MBK Masalah Penglihatan bagi mengurangkan beban dan menangani isu kewangan ini. Antara salah satu perkara yang boleh dinikmati oleh MBK Masalah Penglihatan adalah pembiayaan bantuan kewangan. Tetapi bantuan yang diberikan tidak mencukupi di sebabkan oleh barangan keperluan untuk MBK Masalah penglihatan sangat mahal.

“... ya saya dapat Bantuan kewangan ini adalah dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), tetapi tidak cukup untuk saya membeli peralatan untuk saya belajar kerana baranga-barangan yang diperlukan adalah mahal, dan bantuan yang memberi adalah bantuan dalam bentuk wang saku iaitu sebanyak RM150 sebulan. Pada saya tidak cukup kerana peralatan masalah penglihatan semuanya mahal....” (M5)

(Murid 5, Baris 12-15/03/2025)

Masalah yang terakhir adalah isu berkaitan dengan stigma masyarakat. Stigma adalah suatu tindak balas yang terbentuk akibat daripada penyimpangan yang ditunjukkan oleh individu atau sekelompok individu daripada norma masyarakat. Penyimpangan tersebut mengakibatkan individu atau kumpulan individu tersebut mendapat label-label yang tersendiri.

MBK Masalah Penglihatan juga tidak terlepas dari stigma dan pandangan negatif dari masyarakat. Perkara ini berlaku apabila masyarakat tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai hal-hal yang berkaitan dengan OKU. Ada dalam kalangan masyarakat mempercayai bahawa OKU dilabel sebagai individu yang nampak ketidakupayaan secara luaran dan nyata sahaja. Kekurangan maklumat

yang sah mengenai OKU menyebabkan pelbagai persepsi dan juga tanggapan yang negatif timbul dalam masyarakat terhadap OKU.

Hasil dari temubual yang dijalankan, responden menyatakan bahawa rakan-rakan sebaya mereka tidak mempercayai bahawa beliau seorang pelajar kurang upaya. Ini kerana, secara luaran beliau seorang yang nampak biasa dan hanya berkaca mata. Namun begitu, beliau adalah seorang MBK Masalah Penglihatan yang mempunyai penglihatan terhad (low vision). Rakan sebaya responden hanya mempercayai responden selepas beliau menunjukkan kad OKU. Hal ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai kategori yang ada bagi kurang upaya:

"... memang dia orang tekejut. Saya kata saya OKU. Mungkin dalam kalangan kawan saya ni kurang pendedahan lah kut pasal OKU ni. Sebab mereka rasa OKU ni memang akan nampak tak sempurna. [...] terus saya tunjukkan kad OKU saya. Baru mereka nak caya...mungkin OKU saya ni tak nampak sangat sebab saya boleh jalan macam biasa.. Cuma saya rabun kuat kalau pakai kanta atau spec mata masih boleh nampak sikit-sikit...tapi saya kena ada bantuan juga kalau nk bergerak waktu malam sebab saya memang tak nampak sikit kalau waktu malam dan kena ada yang teman saya kalau nk pergimana-mana kalau saya sorang saya akan duk diam ja waktu malam atau jalan dekat-dekat sekililing sini ja....."

(Murid 1, Baris 16-18/03/2025)

Penerimaan pelajar KPM adalah baik namun tahap pengetahuan mereka mengenai MBK Masalah Penglihatan masih lagi di tahap yang rendah. Perkara ini dibuktikan apabila ada informan menyatakan bahawa ada dalam kalangan pelajar memandang kekurangan beliau sahaja namun tidak memandang pada kelebihan yang beliau ada:

"... kadang-kadang ada juga yang merendah-rendahkan keupayaan saya untuk melakukan sesuatu perkarapada depa saya tak boleh lakukan banyak benda macam depa semua...depa selalu kutuk-kutuk saya kalau saya tak dapat buat sendiri apa-apa benda...semua orang jadi tak yakin yang saya mampu lakukan macam orang lain buat.... bila tak diberi peluang untuk saya buat tu...saya jadi sedih dan rasa down untuk buat macam murid lain buat... semua yang saya nak buat akan dibantu oleh murid lain, sedangkan saya pun boleh buat macam semua orang buat dalam kelas walaupun saya ada kekurangan untuk melihat macam murid lain"

(Murid 2, Baris 19-20/03/2025)

Dalam kajian ini juga mendapati hal yang sama. Tambahan, warga institusi terutamanya staf sokongan juga masih mempunyai tahap pengetahuan yang rendah tentang keperluan OKU. Mereka masih lagi tidak mengetahui perkara-perkara asas mengenai keperluan dan keterbatasan pelajar kurang upaya khususnya pelajar kurang upaya penglihatan. Hal ini dibuktikan apabila ada dalam kalangan pelajar kurang upaya penglihatan menyatakan bahawa beliau sangat sukar untuk berurusan dengan petugas di kaunter sekiranya melibatkan hal berkaitan dengan pembelajaran. Kebiasaannya, responden perlu menjelaskan keadaan beliau yang mempunyai masalah penglihatan dahulu kepada staf yang bertugas. Ada juga dalam kalangan staf yang bertugas di kaunter mempertikaian ketidakupayaan responden:

"...saya perlu meyakinkan orang bahawa saya mengalami ketidakupayaan penglihatan (low vision). Keadaan ini menjadi susah kepada saya bila hendak berurusan dikaunter disebabkan ketidakupayaan yang saya alami ini [...] ada kakitangan yang masih mempertikaikan apa yang telah saya jelaskan kerana tidak memahami masalah yang dihadapi oleh saya ketika ini..."

(Murid 3, Baris 21-22/03/2025)

Oleh itu, masyarakat seharusnya menggunakan pelbagai medium yang ada terutamanya media massa untuk mengetahui hal-hal yang berkaitan dengan MBK masalah penglihatan khususnya bagi mereka yang bertugas mengendalikan pelajar di sekolah. MBK masalah penglihatan merupakan sebahagian daripada masyarakat yang tidak boleh dinafikan hak mereka dan perlu difahami sebaiknya. Jika semakin banyak maklumat mengenai MBK Masalah Penglihatan disebarkan melalui media massa semakin berkurang stigma dan tanggapan negatif masyarakat terhadap MBK Masalah Penglihatan..

Secara keseluruhannya, masalah-masalah yang dihadapi oleh MBK Masalah Penglihatan ini boleh diatasi oleh pelajar itu sendiri dengan memupuk rasa keyakinan dalam diri melalui pembacaan dan meningkatkan pengetahuan mereka mengenai peluang-peluang yang disediakan oleh pelbagai pihak. Bukan itu sahaja, masyarakat juga perlu membuka mata bahawa pelajar kurang upaya juga adalah sebahagian daripada mereka dan mempunyai hak untuk mendapatkan suasana yang harmoni dan kondusif.

KESIMPULAN

Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa terdapat masalah dan cabaran yang sering dihadapi oleh MBPK Masalah Penglihatan dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran dalam kehidupan harian terutamanya di peringkat sekolah rendah dan juga menengah. Terdapat 3 tema utama yang diperolehi dalam kajian ini iaitu masalah dan cabaran yang dihadapi iaitu keyakinan diri, isu kewangan dan stigma masyarakat. Kajian ini sangat membantu untuk mengenalpasti masalah-masalah yang sering dihadapi oleh MBK Masalah Penglihatan. Oleh itu, hasil kajian yang diperolehi dapat memberi manfaat kepada setiap golongan agar sentiasa perihatin dan mengambil berat masalah yang dihadapi oleh MBK Masalah Penglihatan.

Setiap golongan dan lapisan masyarakat dapat mengambil tindakan dan intervensi untuk menangani masalah dan cabaran yang dihadapi oleh golongan yang memerlukan ini. Masyarakat akan lebih perihatin dengan kekurangan yang dialami oleh MBPK Masalah Penglihatan selepas membaca kajian yang dilakukan ini. Dengan ini, dorongan serta sokongan dapat diberikan kepada MBPK Penglihatan untuk terus melangkah ke hadapan dalam merialisasikan cita-cita dan masa depan yang lebih baik. Hal ini demikian kerana, MBPK Penglihatan sangat memerlukan bantuan masyarakat disekelilingnya untuk memudahkan mereka terus melangkah dari alam persekolahan ke peringkat kerjaya yang lebih terjamin suatu hari nanti.

PENGHARGAAN

Sekalung apresiasi kepada pihak Universiti Sains Malaysia untuk menjalankan kajian tindakan ini untuk menambah baik amalan dan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tidak ada konflik kepentingan mengenai penerbitan kertas ini. Semua peringkat penyelidikan, termasuk pengumpulan data, analisis, dan tafsiran, telah dijalankan secara objektif dan bebas, tanpa sebarang pengaruh luar.

SUMBANGAN PENULIS

Pengarang telah memberikan sumbangan saintifik yang signifikan kepada penyelidikan dalam manuskrip, meluluskan tuntutannya, dan bersetuju untuk menjadi pengarang.

PENGISYTIHARAN AI GENERATIF

Semasa penyediaan kerja ini, penulis menggunakan *ChatGPT (OpenAI)* untuk meningkatkan kejelasan dan kebolehbacaan manuskrip. Selepas menggunakan alat ini, pengarang menyemak dan menyunting kandungan seperti yang diperlukan dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk kandungan penerbitan.

PENYATA ETIKA

Tidak berkenaan.

RUJUKAN

- Amat Juhari Moain. 1996. *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bryant, M.J. (2007). Career Self-Efficacy: Exemplary Recent Research and Emerging Directions. *Journal of Career Assessment*, 15(4), 403-422
- Bilir Seyhan, G., Ocak Karabay, S., Arda Tuncdemir, T. B., Greenberg, M. T., & Domitrovich, C. (2017). The Effects of Promoting Alternative Thinking Strategies Preschool Program on Teacher–Children Relationships and Children's Social Competence in Turkey. *International Journal of Psychology*, 54(1), 61-69.
- Blackhurst, A. E. , & Lahm. (Eds.) (2000). *An introduction to special education (3rd Ed.)*. New York: HarperCollins.
- Bloom, B.S., Engelhart, M.D., Furst, E.J., Hill, W.H., & Krathwohl, D.R. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification Of Educational Goals: Handbook I: Cognitive Domain* (No. 373.19 C734T). New York, US: D. McKay.
- Brackett, M. A., Reyes, M. R., Rivers, S. E., Elbertson, N. A. & Salovey, P. (2012). Assessing Teachers' Beliefs about Social and Emotional Learning. *Journal of Psychoeducational Assessment*, 30(3), 219-236
- Branch, R.M., & Kopcha, T.J. (2014). The technological pedagogical content knowledge framework. In *Handbook of Research on Educational Communications and Technology* (pp. 101-111). Springer, New York, NY.
- Braun, V., and V. Clarke. (2012). "Thematic Analysis." In APA Handbook of Research Methods in Psychology, edited by H. Cooper, Vol. 2: Research Designs, 57–71. Washington, DC: APA books.
- Briesch, A.M., Ferguson, T.D., Volpe, R.J. & Briesch, J.M. (2012). Examining Teachers' Perceptions of Social-Emotional and Behavioral Referral Concerns. *Remedial and Special Education*, 34(4), 249–256.
- Che Siah Che Man. 2006. *Pendekatan Pengajaran Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamdan Abdul Rahman. 2015. *Panduan Menulis dan Mengeja Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2018). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan; Amalan Dan Analisis Kajian*. (2nd ed.). University Of Malaya Press
- Mohd Nur Adzam Rasdi. 2012. *Application of Braille in Quranic and Sunnah Studies*. Slaid. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad. 2011. *Pengantar Pendidikan Khas*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. 2014. *Braille Al-Quran: Sejarah dan Kaedah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Noor Najihan Jaafar & Kauthar Abd. Kadir. (2008). "Pengajaran Braille al-Quran di Malaysia: Sejarah dan Perkembangannya", *Seminar Warisan al-Quran dan Hadith Nusantara*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 11 hal.
- Norhasnira Ibrahim, Norakyairee Mohd Raus, Nur Adzam Rasdi, Noornajihan Jaafar, Norazman Alias, Norullisza Khosim, Norzulaili Mohd Ghazali & Mat Fauzi Othman. 2015. *Pengajaran Al-Quran Braille*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nunnally, J.C. And Bernstein, I.H. (1994) The Assessment Of Reliability. *Psychometric Theory*, 3, 248-292.
- Nur Azuki Yusof, & Yohan Kurniawan. (2013). *Penerimaan orang kelainan upaya (OKU): Kajian menurut prespektif remaja 1Malaysia*. Seminar Sains Kemanusiaan OKU Peringkat Kebangsaan 2013.
- Nur Syuhada, P. (2015). Dual-Earner Commuter Family: Factors to Commute, Strengths and Stressors. Proceeding of ICHS UPSI 2015: Bridging Development & Transformation in the Wake of Global Challenges. Paper presented at Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, 7-9 April (pp. 717-725). Tanjung Malim. ISBN: 978-983-2063-98-8.
- Pusat Sumber Braille. (2010). *al-Quran al-Karim Tulisan Braille*. Kuala Lumpur.
- Sabariah Binti Haji Bahrin. t.th. *Sistem Ejaan Jawi yang dikemaskini oleh Dewan Bahasa dan Pustaka: Satu Tinjauan*. Tuaran, Sabah: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Kent.
- WHO. 2014. Retrieved from Visual impairment and blindness: <http://www.who.int/topics/statistics/en/>. 11 November 2015.

Zakaria bin Yahya. (2008). "Perkembangan dan Isu Terkini dalam Penulisan Al-Quran Braille: Satu Tinjauan Umum". *Kertas kerja dalam Seminar Perkembangan dan Isu Terkini dalam Penulisan alQuran Braille*. Kuala Lumpur: PERTIS. 14 hal.

Zakaria Yahya. 2011. *al-Quran Braille Cetakan Malaysia: Satu Pengenalan*. Slaid. PERTIS.